

Zaqy, Suratman antara bekas pelajar NTU terima pengiktirafan tertinggi



SUMBANGAN DIIKTIRAF: Encik Zaqy Mohamad (*tengah*) adalah antara penerima Anugerah Cemerlang Alumni Nanyang. Bersamanya (*di kiri*) adalah Menteri Negara Kanan (Perdagangan dan Perusahaan), Encik Chee Hong Tat, dan Presiden NTU, Profesor Subra Suresh. – Foto NTU

UNIVERSITI Teknologi Nanyang (NTU) telah mengiktiraf bekas penuntut di acara 'Homecoming' Tahunan NTU kelmarin (19 Oktober).

Antara 39 bekas penuntut yang diberi pengiktirafan Anugerah Alumni Nanyang, tiga daripadanya menerima pengiktirafan tertinggi – Anugerah Alumni Cemerlang Nanyang (Nanyang Distinguished Alumni Award), lapor *The Straits Times* (ST).

Mereka adalah perintis sastera Melayu Encik Suratman Markasan; Pengarah Urusan Teckwah Industrial Corporation Encik Thomas Chua, dan Menteri Negara (Pembangunan Negara merangkap Tenaga Manusia), Encik Zaqy Mohamad.

Profesor Subra Suresh, presiden NTU berkata: "Penerima tahun ini telah memberi kesan positif dalam pelbagai bidang seperti seni sastera, perniagaan, masyarakat dan perkhidmatan awam."

Encik Suratman, 88 tahun, tamat pengajiannya dari fakulti seni di Universiti Nanyang pada 1971.

Beliau merupakan seorang penyair yang memenangi pel-



ENCIK SURATMAN MARKASAN:

Turut mendapat pengiktirafan tertinggi. – Foto fail

bagai anugerah dan juga Pingat Budaya, pengiktirafan tertinggi Singapura dalam seni pada 2010 bagi sumbangannya terhadap sastera Singapura.

Encik Zaqy Mohamad, 45 tahun, adalah bekas penuntut di Sekolah Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik dan Sekolah Perniagaan Nanyang, telah bertugas dalam firma perundingan dan teknologi seperti Arthur Andersen, IBM, Dimension Data (NTT Group) dan Ernst & Young.

Encik Chua pula adalah seorang bekas Anggota Parlimen Dilantik (NMP) dan presiden

Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina Singapura (SCCCI), yang mengubah Teckwah dari pembuat kotak kertas kepada kumpulan bekalan antarabangsa.

Antara kategori anugerah lain adalah Anugerah Pencapaian Alumni Nanyang, Anugerah Cemerlang Alumni Muda Nanyang dan Anugerah Khidmat Alumni Nanyang.

Salah satu penerima Anugerah Pencapaian Alumni Nanyang adalah Cik Chua-Lim Yen Ching, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan bagi Pembangunan Profesional dan Pengarah Eksekutif di Kementerian Pendidikan.

Beliau berkhidmat sebagai pengetua pengasas di Sekolah Northlight, yang menangani pelajar yang menghadapi kesukaran dalam kurikulum akademik utama.

Acara yang diadakan di Auditorium Nanyang itu dihadiri oleh 1,200 bekas penuntut dan hadirin.

Baru-baru ini, NTU mencapai tangga ke-50 universiti terbaik di Tangga Universiti Dunia Times Higher Education tahun ini.

NTU kini mempunyai lebih daripada 244,000 alumni di 162 negara.